

## BAB TIGA

### PENTADBIRAN HARTA PENAMA DI INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN DI MALAYSIA

#### 3.1 PERKEMBANGAN AMALAN PENAMAAN DI INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN

Institusi-institusi kewangan di Malaysia lazimnya menghendaki para penyimpan atau pelabur yang melabur dalam skim-skim kewangan mereka agar melantik penama atau beberapa orang penama bagi wang-wang yang telah dilaburkan. Penama ialah orang yang akan mendapat faedah daripada wang simpanan tersebut selepas berlaku kematian kepada penyimpan atau pelaburnya.<sup>1</sup> Amalan melantik penama ini sudah diterima pakai sejak sekian lama dan ia merupakan arahan yang sah di sisi undang-undang di Malaysia dan pengamalannya meliputi orang-orang Islam dan bukan Islam.

Perlantikan penama adalah bertujuan untuk memudahkan urusan pengeluaran wang yang telah dilaburkan sekiranya berlaku kematian kepada penyimpannya tanpa memerlukan kepada Surat Kuasa Mentadbir harta pusaka daripada Mahkamah Tinggi Sivil. Mungkin ini adalah salah satu sebab utama kenapa kebanyakan institusi-institusi kewangan di Malaysia mewajibkan setiap pelaburnya membuat penamaan bagi wang simpanan atau pelaburan mereka.

---

<sup>1</sup>Mohd. Ridzuan Awang (1994), *Undang-Undang Tanah Islam dan Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 372.

Perkembangan yang positif dapat dilihat mengenai perbezaan amalan penamaan yang wujud di Malaysia pada hari ini berbanding dengan pada masa dahulu. Menurut undang-undang yang wujud pada masa dahulu, pemberian melalui penamaan adalah sah dan ia merupakan hakmilik mutlak penama tersebut. Ketiadaan peruntukan undang-undang mengenai fungsi penama bagi wang atau harta milik orang-orang Islam iaitu hanya sebagai *waṣī* (pemegang amanah) juga merumitkan lagi masalah penamaan ini. Situasi ini menjadikan amalan penamaan tidak sah dan bercanggah dengan undang-undang Islam walaupun sebenarnya terdapat kebaikan pada amalan penamaan tersebut. Timbulnya beberapa pertikaian mengenai harta penama di mahkamah adalah berpunca daripada ketidakfahaman umat Islam tentang fungsi sebenar mereka sebagai penama.

Namun begitu, situasi yang wujud pada hari ini menyaksikan amalan penamaan yang berbeza di institusi-institusi kewangan di Malaysia. Pada hari ini, kebanyakan institusi-institusi kewangan telah mewajibkan para penyimpan atau pelaburnya melantik penama atau beberapa orang penama dengan membezakan antara penamaan yang dibuat oleh orang-orang Islam dengan orang-orang bukan Islam. Bagi orang-orang Islam, penama hanyalah bertindak sebagai *waṣī* atau pemegang amanah bagi wang simpanan yang dinamakan di atas nama beliau. Selepas wang tersebut diserahkan kepada beliau oleh institusi-institusi kewangan terbabit, beliau bertanggungjawab untuk membahagi-bahagikan wang tersebut sebagai salah satu harta peninggalan si mati kepada semua ahli waris yang berhak untuk menerima pusaka secara faraid.

Manakala bagi orang-orang bukan Islam pula, mereka akan menamakan samada isteri, anak atau ibu bapa mereka sebagai penama bagi wang simpanan atau pelaburan mereka. Selepas berlaku kematian, pihak institusi kewangan yang terlibat akan menyerahkan kesemua wang milik si mati kepada penama tadi dan beliau (penama) adalah berhak sepenuhnya ke atas wang tersebut.

Pada hari ini juga telah wujud peruntukan-peruntukan khusus di dalam statut-statut tertentu yang menyatakan perbezaan antara penamaan yang dibuat oleh orang-orang Islam dengan orang-orang bukan Islam. Turut dinyatakan ialah tanggungjawab penama bagi orang Islam seperti yang telah dibincangkan di atas iaitu membahagikan wang tersebut kepada semua waris mengikut sistem faraid. Peruntukan-peruntukan ini telah dimasukkan ke dalam statut-statut yang menjadi undang-undang asas kepada sesuatu institusi-institusi kewangan seperti Akta Insurans 1996 (Akta 553), Peraturan-peraturan Koperasi 1995, Peraturan-peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991, Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) dan sebagainya.

Inisiatif yang diambil oleh pihak kerajaan untuk memasukkan peruntukan mengenai penamaan terhadap orang-orang Islam juga menjadikan amalan penamaan di kebanyakan institusi kewangan pada hari ini tidak lagi mengelirukan masyarakat khususnya umat Islam. Hasilnya, umat Islam juga telah memahami tanggungjawab mereka sebagai penama iaitu membahagi-bahagikan wang kepada semua waris si mati yang berhak menerima pusaka. Ini terbukti apabila kurangnya kes-kes dilaporkan di Malaysia yang berkaitan dengan pertikaian yang melibatkan harta penama ini sejak 11 tahun yang lalu. Perkembangan ini sangat

menggalakkan kerana isu yang berkaitan harta penama dan penamaan ini telah lama diperbincangkan dan penyelesaiannya hanya boleh dibuat melalui kesedaran oleh semua pihak. Inilah yang diharap-harapkan oleh umat Islam khususnya selepas berlakunya pertikaian mengenai harta penama dan percanggahan antara keputusan mahkamah dengan hukum syarak dalam kes *Re Man bin Minhat*<sup>2</sup> dan kes-kes yang selepasnya.

### **3.2 PENTADBIRAN HARTA PENAMA DI INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN**

Pentadbiran harta penama dapat dilihat secara lebih praktikal di institusi-institusi kewangan yang mengamalkan penamaan bagi setiap simpanan atau pelaburan yang dibuat di institusi mereka. Kebanyakan institusi-institusi kewangan ini mewajibkan penamaan dibuat oleh para pelabur mereka. Malahan, mereka juga mewajibkan penama yang dilantik mestilah terdiri daripada kalangan ahli keluarga terdekat seperti isteri, suami, anak, ibu atau bapa kepada pelabur atau penyimpan tersebut dan ia meliputi penamaan yang dibuat oleh orang-orang Islam atau bukan Islam. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan pihak institusi kewangan terbabit mengesan penama-penama yang dilantik itu dan menyerahkan wang kepada penama selepas berlaku kematian kepada penyimpannya.

Namun begitu, sekiranya pihak institusi kewangan tersebut mendapat penama bukan terdiri daripada golongan-golongan yang disebutkan tadi, maka penamaan tersebut akan terbatal dan penyimpan akan diminta untuk membuat

---

<sup>2</sup> (1965) 2 M.L.J 1.

penamaan yang baru yang mana penamanya terdiri daripada golongan-golongan di atas. Jika sekiranya penyimpan tidak membuat penukaran penamaan tersebut sehingga beliau meninggal dunia, maka pihak institusi kewangan akan menyerahkan wang tersebut untuk ditadbir oleh pihak pemegang amanah yang biasanya terdiri daripada Amanah Raya Berhad ataupun waris-waris yang berhak perlu mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir harta pusaka daripada Mahkamah Tinggi Sivil untuk membolehkan mereka mengeluarkan wang simpanan tersebut dari institusi kewangan terbabit.

Namun begitu, prosedur penamaan ini adalah berbeza mengikut institusi-institusi kewangan masing-masing. Untuk melihat perbezaan-perbezaan tersebut, kajian dilakukan untuk melihat bagaimana sesuatu prosedur penamaan itu dibuat, borang-borang penamaan yang perlu diisi, bilangan penama dan saksi yang diperlukan, tanggungjawab penama bagi orang-orang Islam, bahagian yang akan diterima oleh penama (jika ada), statut serta peruntukan yang dipakai, pertikaian yang wujud antara penama dengan waris yang lain (jika ada) serta prosedur yang dibuat jika penyimpan tidak membuat sebarang penamaan. Secara keseluruhannya, prinsip-prinsip atau konsep asas yang diamalkan oleh institusi-institusi kewangan yang dikaji adalah sama, cuma prosedur-prosedur yang digunakan sahaja yang berbeza antara satu sama lain.

### **3.3 PENAMAAN DI INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN**

Kajian mengenai prosedur penamaan di institusi-institusi kewangan ini tidaklah meliputi kesemua atau keseluruhan institusi-institusi kewangan yang wujud di Malaysia, tetapi hanya mengambil sampel beberapa buah institusi kewangan sahaja yang dirasakan boleh mewakili kategori masing-masing. Antaranya ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Tabung Haji (LTH), MCIS Insurans Berhad bagi mewakili syarikat-syarikat insurans, Bank Simpanan Nasional bagi mewakili bank-bank dan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad bagi mewakili syarikat-syarikat koperasi.

#### **3.3.1 KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)**

##### **3.3.1.1 Sejarah Penubuhan KWSP**

Pada tahun 1951, Persekutuan Tanah Melayu ketika itu kaya dengan ladang getah serta hasil-hasil buminya. Pemilik getah persendirian mula mewujudkan skim-skim simpanan sebagai perlindungan dan jaminan hari tua pekerjanya. Walaupun carumannya tidak seragam, skim-skim itu menyediakan asas kepada pembentukan Tabung Kumpulan Wang<sup>3</sup> seperti yang wujud pada hari ini.

Selepas Jabatan Buruh mencadangkan satu skim simpanan wajib pada tahun 1949, Majlis Bersama Gaji yang mewakili kepentingan majikan dan pekerja ketika itu, berpendapat bahawa masanya telah tiba untuk memperkenalkan satu

---

<sup>3</sup> Berita Harian 1 Oktober 2001, Keluaran Khas Sempena Ulang Tahun ke-50 KWSP, hal. 2.

skim simpanan nasional yang bertujuan untuk menjaga kepentingan pekerja di negara ini.<sup>4</sup> Pelbagai usaha yang dilakukan selepas itu telah mendorong Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Oktober 1951, meluluskan Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang membawa kepada penubuhan KWSP. KWSP merupakan badan berkanun keenam yang ditubuhkan oleh kerajaan. Caruman pertamanya telah diterima pada Ogos 1952.<sup>5</sup>

### **3.3.1.2 Pengenalan kepada KWSP**

KWSP adalah satu bentuk skim keselamatan sosial yang menyediakan faedah persaraan kepada ahlinya yang terdiri daripada tenaga kerja rakyat Malaysia. Fungsi utamanya ialah menerima dan mengutip caruman untuk ahlinya, melabur dan melaburkan semula caruman tersebut untuk memperolehi pulangan yang berpatutan dan melunaskan bayaran kepada ahli atau waris mereka yang memenuhi syarat-syarat pengeluaran seperti yang ditetapkan oleh Akta KWSP 1991 (Akta 452).<sup>6</sup> KWSP juga ditubuhkan untuk menyediakan kemudahan kepada majikan untuk mencarum bagi pihak pekerja dan melaksanakan tanggungjawab undang-undang serta kewajipan moral mereka kepada para pekerja mereka.

Sejak penubuhannya, KWSP telah mengumpul caruman berjumlah RM 180 bilion. KWSP telah membayar sebanyak RM 56 bilion kepada ahli di bawah pelbagai skim pengeluaran.<sup>7</sup> Pada hari ini, KWSP mempunyai lebih 10 juta ahli

---

<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> *Ibid.*, hal. 8.

<sup>7</sup> *Ibid.*

dan jumlah ini terus meningkat dari hari ke hari. Sejak penubuhannya juga, kadar caruman<sup>8</sup> ahli telah menyaksikan beberapa perubahan. Pada tahun 1951, majikan dan pekerja masing-masing mencarum pada kadar 5 peratus. Sehinggalah pada tahun 1977, majikan dikehendaki mencarum pada kadar yang lebih tinggi pada bila-bila masa daripada kadar minimum yang ditetapkan. Pada tahun 2001, kadar carumannya ialah 9 peratus bagi pekerja dan 12 peratus bagi majikan.<sup>9</sup>

### 3.3.1.3 Penamaan di KWSP<sup>10</sup>

Ahli KWSP adalah terdiri daripada pekerja sektor swasta dan pekerja perkhidmatan awam yang tidak berpencen. Selepas didaftar sebagai ahli KWSP, bagi mereka yang berumur 18 tahun ke atas, mereka boleh menamakan orang yang dipilih untuk menerima simpanan di dalam KWSP sekiranya mereka meninggal dunia. Perkara ini ada dinyatakan di dalam Peraturan 6, Peraturan-peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 yang menyatakan bahawa :

(1) "Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Kaedah-kaedah yang dibuat dibawah Akta itu, Ahli Kumpulan Wang yang berumur lapan belas tahun atau lebih boleh menamakan mana-mana orang yang sebenar untuk menerima kreditnya yang kena dibayar kepadanya selepas kematiannya dalam borang yang ditetapkan. Dengan syarat bahawa Lembaga boleh mengikut budibicaranya enggan untuk menerima atau mendaftarkan mana-mana penamaan tersebut."<sup>11</sup>

<sup>8</sup>Caruman ialah jumlah wang yang dimasukkan ke dalam akaun individu ahli di KWSP. Jumlahnya dikira berdasarkan upah bulanan yang diterima oleh seseorang pekerja.

<sup>9</sup> Berita Harian, *op.cit.*, hal. 4.

<sup>10</sup>Penamaan ialah suatu proses perlantikan yang dibuat oleh ahli untuk menamakan seseorang atau beberapa orang untuk menerima kredit ahli selepas kematiannya.

<sup>11</sup>Peraturan 6(1), *Peraturan-peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991*.

Penamaan yang dibuat oleh ahli semasa hayatnya adalah penting dalam proses membuat bayaran kepada penama yang dilantik tanpa perlu mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir harta pusaka daripada Mahkamah Tinggi Sivil. Bagi ahli yang ingin membuat penamaan, mereka dikehendaki mengisi Borang KWSP 4 (AHL) (lihat lampiran 2) dan mengemukakan kepada KWSP semasa mereka masih hidup. Sekiranya mereka ingin membuat penamaan yang baru atau mengubah penamaan mereka, mereka perlu mengisi Borang KWSP 4 (AHL) yang baru dan mengemukakan kepada KWSP semula. Perkara ini turut dinyatakan di dalam Kaedah 34, Kaedah-kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 yang berbunyi:

- (1) *Setiap penamaan hendaklah dibuat secara bertulis dalam Borang KWSP 4 dengan menurunkan cap ibu jari ahli Kumpulan Wang di hadapan seorang saksi.*
- (2) *Jika Ahli Kumpulan Wang yang telah membuat penamaan selaras dengan Kaedah-kaedah ini ingin membuat penamaan yang kedua atau seterusnya, dia hendaklah melengkapkan dan menghantar Borang KWSP 4 yang baru yang mengandungi penamaan tersebut.*
- (3) *Suatu penamaan adalah tidak berkuatkuasa melainkan Borang KWSP 4 yang telah dilengkapkan dihantar dan sampai kepada Lembaga semasa hayat ahli itu.<sup>12</sup>*

Penamaan tersebut hendaklah dibuat di hadapan seorang saksi. Saksi tersebut hendaklah bukan daripada kalangan orang-orang yang dinamakan di dalam borang penamaan tadi. Saksi itu juga tidak berhak untuk mendapat apa-apa faedah daripada penamaan ataupun wang simpanan ahli di dalam KWSP seperti yang dinyatakan di dalam Kaedah 34 (5) iaitu:

*“Mana-mana orang yang mengakusaksi tandatangan ahli Kumpulan Wang yang berkenaan dengan penamaan adalah tidak layak untuk mendapat apa-apa faedah daripadanya”.<sup>13</sup>*

<sup>12</sup> Kaedah 34(1), (2) dan (3) *Kaedah-kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.*

<sup>13</sup> Kaedah 34(5), *Ibid.*

Sekiranya ahli ada menyatakan bahagian-bahagian yang patut diterima oleh penama-penama (sekiranya penama melebihi seorang), maka pihak KWSP perlu membahagikan wang tersebut mengikut bahagian-bahagian seperti yang telah dinyatakan oleh ahli dalam borang tadi. Sekiranya ahli tidak menyatakan bahagian-bahagian tertentu, pihak KWSP perlu membahagikan wang tersebut kepada penama dengan bahagian yang sama. Perkara ini dinyatakan di dalam

Peraturan 6 iaitu:

(2) *Penamaan boleh dibuat untuk faedah seseorang atau beberapa orang dan jika lebih daripada seorang yang dinamakan, ahli Kumpulan Wang itu boleh dalam borang yang tertentu mengarahkan supaya bahagian-bahagian yang tertentu dibayar kepada seorang atau beberapa orang yang dinamakan dan jika tiada apa-apa arahan sedemikian, Lembaga hendaklah membayar kepada orang itu dengan bahagian yang sama.*<sup>14</sup>

Namun begitu, penamaan yang dibuat oleh ahli boleh terbatas dengan beberapa cara seperti yang dinyatakan dalam Peraturan 7 iaitu:

(1) *Sesuatu penamaan hendaklah terbatal-*

(a) *dengan kematian orang yang dinamakan, atau jika terdapat lebih dari seorang orang yang dinamakan, dengan kematian semua orang yang dinamakan, semasa hayat ahli Kumpulan Wang itu;*

(b) *melalui notis pembatalan secara bertulis yang dibuat dalam borang yang ditetapkan; atau*

(c) *melalui apa-apa penamaan yang dibuat kemudiannya dalam borang yang ditetapkan;*

*Dengan syarat bahawa penamaan adalah tidak terbatal dengan apa-apa wasiat atau apa juar perbuatan pun, keadaan atau tindakan.*

(2) *Jika terdapat lebih dari seorang yang dinamakan dan salah seorang daripada orang yang dinamakan itu mati terlebih dahulu daripada ahli Kumpulan Wang, dalam mana tiada penamaan yang kemudiannya dibuat oleh ahli itu bagi melupuskan bahagian orang yang dinamakan yang telah mati itu, apa-apa bahagian tersebut hendaklah dikembalikan kepada harta pusaka ahli itu.*<sup>15</sup>

<sup>14</sup> Peraturan 6(2), *Peraturan-peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991*.

<sup>15</sup> Peraturan 7(1) dan (2), *Ibid.*

Apa yang menarik dalam penamaan ini ialah pihak KWSP sentiasa mengingatkan kepada ahli-ahli yang beragama Islam berkenaan dengan tanggungjawab penama yang dilantik. Bagi orang-orang Islam, penama hanya bertindak sebagai *wasi*<sup>16</sup> atau pentadbir yang bertanggungjawab untuk mengagihkan simpanan ahli tersebut mengikut hukum faraid kepada waris-waris yang berhak.<sup>17</sup> Mereka tidak berhak untuk memiliki secara mutlak wang simpanan ahli tersebut. Sementara itu, bagi penama yang bukan beragama Islam pula, mereka adalah penerima faedah dan pemilik mutlak bagi wang simpanan ahli tersebut.<sup>18</sup>

Peringatan ini dibuat oleh KWSP melalui pelbagai cara antaranya melalui sesi taklimat atau penerangan oleh kakitangannya kepada ahli-ahli, kenyataan akhbar<sup>19</sup>, risalah-risalah dan lain-lain. Untuk memperjelaskan lagi tanggungjawab penama bagi orang-orang Islam ini, satu ‘Nota’ dibuat di dalam borang penamaan (Borang KWSP 4 (AHL) ) dengan menyatakan secara jelas tanggungjawab tersebut (lihat lampiran 3). Perkembangan terbaru, pihak KWSP telah mengiklankan di dalam media elektronik melalui televisyen tentang keperluan menamakan penama bagi simpanan KWSP. Namun begitu, tanggungjawab penama atau *wasi* bagi orang-orang Islam tidak pula dinyatakan secara khusus.

Pihak KWSP memberi arahan dan peringatan kepada ahli yang beragama Islam tentang tanggungjawab *wasi* melalui cara-cara tersebut kerana perkara ini tidak ada dinyatakan atau diperuntukkan di dalam Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452). Peruntukan tentang tanggungjawab penama

<sup>16</sup> Temubual dengan Encik Khalid Haron, Pengurus Bahagian Pengeluaran Kematian dan Rekod Ahli, Jabatan Khidmat Ahli, KWSP pada hari Rabu 11 Oktober 2001 jam 2.30 petang.

<sup>17</sup> Ibid.

<sup>18</sup> Berita Harian 20 April 2001, hal. 9.

bagi orang Islam ini hanya diperuntukkan di dalam Peraturan 16(2), yang menyatakan bahawa:

*(2) Jika seorang ahli Kumpulan Wang yang beragama Islam mati dengan membuat penamaan mengikut peraturan-peraturan ini, orang atau beberapa orang yang dinamakan itu hendaklah menerima kredit ahli yang mati itu sebagai seorang waṣi dan bukannya benefisiari dan hendaklah membahagi-bahagikan kredit itu mengikut Undang-undang Islam.<sup>19</sup>*

Keadaan ini menjadikan penamaan di KWSP tidak sistematik dari segi undang-undangnya. Apa yang perlu dilakukan ialah peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan penamaan terutamanya peruntukan tentang tanggungjawab penama bagi orang Islam perlu dimasukkan ke dalam Akta 452 tersebut seperti yang telah dibincangkan di atas. Ini adalah penting kerana tindakan KWSP yang sentiasa mengingatkan para ahlinya tentang tanggungjawab penama yang beragama Islam adalah wajar tetapi perlulah disokong juga dengan peruntukan undang-undang .

Dari segi pembahagian, menurut KWSP, mereka tidak bertanggungjawab untuk mengagihkan wang caruman KWSP mengikut sistem faraid, tetapi tanggungjawab tersebut terletak kepada penama yang telah dilantik oleh ahli. Namun begitu, terdapat juga penama yang tidak mengikuti arahan yang telah ditetapkan oleh KWSP tadi dan gagal mengagihkan wang simpanan mengikut sistem faraid selepas bayaran terus dibuat kepada mereka. Pihak KWSP tidak boleh berbuat apa-apa untuk menyelesaikan masalah ini, akan tetapi pihak waris-

---

<sup>19</sup> Peraturan 16(2), Peraturan-peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.

waris si mati yang berhak boleh mengemukakan tuntutan mereka kepada penama melalui Mahkamah Tinggi Sivil.<sup>20</sup>

KWSP sangat menggalakkan ahli-ahlinya menamakan pewaris mereka sebagai penama bagi mengelakkan daripada keluarga mereka menghadapi masalah untuk menuntut wang simpanan apabila ahli terbabit meninggal dunia. Masalah juga mungkin akan timbul sekiranya penama yang dilantik pula meninggal dunia, ia turut mendatangkan kesulitan kepada waris-waris ahli untuk membuat tuntutan dan tuntutan mereka terpaksa melalui pentadbir harta pusaka. Sebuah akhbar<sup>21</sup> pernah melaporkan bahawa terdapat kira-kira 7.3 juta pencarum KWSP yang belum menamakan pewaris mereka sebagai penama.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat ahli KWSP yang tidak membuat sebarang penamaan, maka Pihak KWSP akan membuat pembayaran wang caruman melalui tiga cara.<sup>22</sup> Pertama, sekiranya jumlah simpanan ahli tidak melebihi RM20,000 dan jika Surat Kuasa Mentadbir, Surat Probet atau Perintah Pembahagian tidak dikemukakan dalam tempoh dua bulan selepas kematian ahli terbabit, KWSP akan membayar kepada:

- i) Orang yang pada pandangan KWSP sebagai berhak diberi surat ini.
- ii) Orang yang pada pandangan KWSP berhak menerima faedah daripada harta pusaka ahli yang meninggal dunia.

<sup>20</sup>Temubual dengan Encik Khalid Haron, Pengurus Bahagian Pengeluaran Kematian dan Rekod Ahli, Jabatan Khidmat Ahli, KWSP pada hari Rabu 11 Oktober 2001 jam 2.30 petang.

<sup>21</sup>Berita Harian, *op.cit*, hal. 9.

<sup>22</sup>Penamaan KWSP, [http://www.kwsp.gov.my/BM/body\\_penamaan.htm](http://www.kwsp.gov.my/BM/body_penamaan.htm) 5 Oktober 2001. Lihat juga Peraturan 15(1)(a), (b) dan (c), *Peraturan-peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991*.

Kedua, sekiranya jumlah simpanan ahli di antara RM 20,000 dan RM30,000, KWSP akan membayar tidak lebih 50 peratus daripada simpanan kepada orang yang disebut di atas. Ketiga, sekiranya jumlah simpanan ahli melebihi RM30,000, KWSP akan membayar 25 peratus daripada simpanan atau RM30,000 mengikut mana yang rendah, kepada orang yang dinamakan dalam (a) atau (b) di atas.

Sementara itu, waris-waris juga boleh mendapatkan khidmat daripada pihak Amanah Raya Berhad (ARB) dengan mendapatkan surat kuasa bagi membolehkan pihak mereka bertindak sebagai pentadbir kepada wang caruman tersebut. Melalui cara ini, pihak ARB akan meminta pihak KWSP mendapatkan maklumat lanjut mengenai butir-butir tuntutan tersebut. Kemudian, pada masa yang sama, KWSP akan menyerahkan wang caruman itu kepada ARB bagi membolehkan mereka mengagih-agihkannya kepada waris-waris yang berhak. Agihan tersebut akan dibuat secara pembahagian melalui sistem faraid atau agihan dibuat berdasarkan kepada persetujuan atau pakatan keluarga.<sup>23</sup> Manakala bagi tuntutan yang dibuat oleh waris-waris ahli KWSP yang bukan beragama Islam, agihan akan dibuat mengikut Akta Pembahagian 1958<sup>24</sup> ataupun melalui persetujuan atau pakatan keluarga.

Kesimpulannya, langkah yang diambil oleh KWSP untuk mengingatkan para ahli KWSP yang beragama Islam tentang tanggungjawab penama yang dilantik oleh mereka adalah merupakan satu langkah yang wajar untuk

---

<sup>23</sup> Berita Harian, *op.cit.*, hal. 9.

<sup>24</sup> Mengikut Akta ini, apabila seseorang yang bukan Islam mati tanpa berwasiat, hartanya akan dibahagikan mengikut peruntukan seksyen 6 Akta itu.

melaksanakan hukum syarak berhubung dengan wang simpanan KWSP tersebut. Namun begitu, langkah ini perlulah dikuatkuasakan melalui peruntukan undang-undang bagi mengelakkan kekeliruan dan pertikaian yang mungkin timbul. Oleh yang demikian, peruntukan mengenai tanggungjawab penama bagi orang Islam untuk membahagikan wang caruman kepada ahli-ahli waris mengikut hukum faraid perlu dimasukkan di dalam Akta 452. Dengan itu, ia akan menjadikan penamaan di KWSP lebih praktikal dan sistematik sama ada mengikut hukum syarak mahupun undang-undang.

### **3.3.2 LEMBAGA TABUNG HAJI (TH)**

#### **3.3.2.1 Sejarah Penubuhan Tabung Haji**

Niat, tujuan serta tekad untuk mengerjakan haji telah mendorong umat Islam mengumpulkan wang bagi membolehkan mereka berkemampuan untuk memenuhi perbelanjaan ke Tanah Suci Mekah. Pelbagai kaedah tradisional menyimpan wang telah diamalkan oleh orang-orang Melayu di kawasan luar bandar bagi maksud tersebut. Ada yang menyimpan wang di bawah bantal, di celah atap ataupun di dalam tempayan yang di tanam di dalam tanah. Ada juga yang menjual ternakan dan harta benda warisan bagi mencukupkan perbelanjaan mereka untuk ke Tanah Suci.

Menurut Profesor Di Raja Ungku Aziz,<sup>25</sup> kesemua cara tersebut adalah tidak sesuai dan akan mengakibatkan tekanan ekonomi ke atas diri sendiri dan keluarga sekembalinya mereka dari menunaikan fardhu haji. Amalan ini juga

---

<sup>25</sup> *Sejarah Perkembangan Tabung Haji Malaysia 30 Tahun*, hal. 70.

secara tidak langsung turut merosakkan struktur ekonomi luar bandar serta mengancam pertumbuhan ekonomi negara. Berdasarkan kepada kajian yang telah dilakukan oleh Ungku Aziz, beliau merasakan bahawa perlunya dicari satu kaedah menyimpan wang yang tidak mengandungi unsur-unsur riba dan tidak bertentangan dengan undang-undang Islam supaya orang-orang Melayu dapat menerimanya.<sup>26</sup>

Atas kesedaran dan keinsafan ini, Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji Muslim Tanah Melayu telah ditubuhkan pada bulan November tahun 1962 dan mula beroperasi pada 30 September tahun 1963.<sup>27</sup> Penubuhan perbadanan tersebut adalah hasil daripada pemikiran-pemikiran yang dihasilkan oleh Ungku Aziz dalam kertas kerja beliau yang bertajuk "*Rancangan Membaiki Ekonomi Bakal-bakal Haji*" pada tahun 1959. Beliau berpendapat bahawa rancangan ini akan menolong orang yang tidak mampu membuat simpanan secara besar-besaran, menguntungkan ekonomi negara dari segi penyimpanan wang dengan cara yang berfaedah dan mengelakkan kerugian bagi mereka yang menyimpan wang secara tradisi.<sup>28</sup>

Bagi mempertingkatkan lagi perkhidmatan dan kemudahan kepada bakal-bakal haji, pada 8 Ogos 1969, perbadanan tersebut telah digabungkan dengan Pejabat Urusan Hal Ehwal Haji yang beroperasi di Pulau Pinang.<sup>29</sup> Hasil daripada gabungan tersebut, lahirlah Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) yang

---

<sup>26</sup> *Ibid*, hal. 71.

<sup>27</sup> Latar Belakang Tabung Haji, [http://www.tabunghaji.gov.my/bahasa/latarbelakang\\_th.htm](http://www.tabunghaji.gov.my/bahasa/latarbelakang_th.htm). 5 Oktober 2001.

<sup>28</sup> *Sejarah Perkembangan Tabung Haji Malaysia 30 Tahun*, hal. 92.

<sup>29</sup> *Ibid*, hal. 72.

ditubuhkan di bawah Akta 8, Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969.<sup>30</sup> Pada tahun 1973, beberapa pindaan telah dibuat terhadap Akta tersebut dan dikenali sebagai Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Pindaan) 1973 (Akta A168).

Sebagai sebuah badan yang berunsurkan korporat, Tabung Haji amat peka terhadap perkembangan dan perubahan yang melanda dunia di era 90-an. Demi menjamin kesinambungan daya saingnya dalam era globalisasi, satu kajian telah dibuat pada tahun 1995 bagi meluaskan lagi skop serta peranan Tabung Haji. Pada 1 Jun 1995, Akta Lembaga Tabung Haji 1995 (Akta 535) telah diperkenalkan dan dikuatkuasakan.<sup>31</sup> Akta ini telah memansuhkan Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969 dan 1973. Pada 28 Ogos 1997 pula, nama Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah digantikan dengan nama Lembaga Tabung Haji dan serentak dengan itu, huruf TH diperkenalkan sebagai singkatan nama menggantikan perkataan Tabung Haji.<sup>32</sup>

### **3.3.2.2 Penamaan di Tabung Haji**

Setiap pendeposit TH yang berumur 18 tahun ke atas diwajibkan menamakan seorang atau dua orang sebagai penama atau lebih dikenali di TH sebagai ‘pemegang amanah’. Bagi pendeposit yang berumur di bawah 18 tahun, mereka juga boleh membuat penamaan tetapi ia hendaklah disahkan oleh bapa atau penjaga mereka terlebih dahulu. Bagi tujuan ini, setiap pendeposit

<sup>30</sup> Latar Belakang Tabung Haji, [http://www.tabunghaji.gov.my/bahasa/latarbelakang\\_th.htm](http://www.tabunghaji.gov.my/bahasa/latarbelakang_th.htm). 5 Oktober 2001.

<sup>31</sup> *Ibid.*

<sup>32</sup> *Ibid.*

dikehendaki mengisi borang ‘Butir-butir Peribadi Pendeposit dan Pemegang Amanah’ (Borang 2, lihat lampiran 3). Pada mulanya, borang ini dikenali sebagai ‘Borang Peribadi’ dan kemudiannya ‘Borang Penamaan’. Tetapi mulai bulan November 1993, borang ini telah ditukarkan kepada borang ‘Butir-butir Peribadi Pendeposit dan Pemegang Amanah’ (Borang 2).<sup>33</sup>

Borang Pemegang Amanah itu memberi kuasa kepada TH untuk mengeluarkan wang simpanan pendeposit yang telah meninggal dunia dalam masa yang singkat kepada waris-waris yang telah dinamakan sebagai Pemegang Amanah untuk membahagi-bahagikan wang tersebut mengikut hukum faraid. Borang tersebut juga bukanlah wasiat, oleh itu, pemegang amanah tidak mempunyai hak mutlak ke atas wang yang diterimanya.<sup>34</sup>

Seperti mana penama bagi ahli-ahli yang beragama Islam di KWSP, pemegang amanah di TH juga mempunyai tanggungjawab yang sama iaitu membahagi-bahagikan wang tersebut kepada waris-waris yang berhak mengikut hukum faraid.<sup>35</sup>

Semasa penamaan dibuat, pihak TH hanya membenarkan penama dilantik dari kalangan waris-waris pendeposit yang berhak sahaja seperti anak, suami, isteri, ibu, bapa atau adik beradik. Sekiranya penama yang dilantik bukan daripada kalangan ahli waris, maka penamaan tersebut akan terbatal.<sup>36</sup> Pihak TH akan

<sup>33</sup> Temubual dengan Puan Hajah Badariah bt. Ibrahim, Pengurus Simpanan 1, Jabatan Pendeposit Tabung Haji pada hari Isnin 15 Oktober 2001 jam 3.30 petang.

<sup>34</sup> Soalan-soalan Lazim Tabung Haji, [http://www.tabunghaji.gov.my/bahasa/faq\\_th.htm](http://www.tabunghaji.gov.my/bahasa/faq_th.htm). 5 Oktober 2001.

<sup>35</sup> Temubual dengan Puan Hajah Badariah bt. Ibrahim, Pengurus Simpanan 1, Jabatan Pendeposit Tabung Haji pada hari Isnin 15 Oktober 2001 jam 3.30 petang.

<sup>36</sup> Ibid.

meminta pendeposit tadi membuat penamaan yang baru dengan mengisi semula borang 2 tadi. Namun, sekiranya pihak TH mendapati penama yang dilantik oleh pendeposit tadi bukan daripada kalangan ahli waris selepas kematiannya, maka wang simpanan pendeposit tersebut tidak akan diserahkan kepada penama. Sebaliknya, pihak TH akan membahagikan wang tersebut mengikut prosedur yang digunakan bagi pembayaran wang bagi pendeposit yang tidak membuat penamaan.<sup>37</sup>

Setiap pendeposit hanya dibenarkan melantik tidak lebih daripada dua orang pemegang amanah sahaja. Pembayaran akan dibuat kepada pemegang amanah pertama apabila pendeposit meninggal dunia. Sekiranya pemegang amanah pertama meninggal dunia, maka pembayaran akan dibuat kepada pemegang amanah kedua. Namun begitu, sekiranya kedua-dua pemegang amanah tersebut meninggal dunia terlebih dahulu daripada pendeposit, maka pemegang amanah yang baru perlu dilantik dengan segera.<sup>38</sup> Setiap pengamanahan yang baru akan memansuhkan pengamanahan yang telah dibuat terdahulu.

Penamaan di TH tidak perlu dibuat di hadapan saksi kerana sudah memadai dengan pengakuan pendeposit di dalam borang 2 tersebut. Pendeposit tidak perlu memasukkan nombor kad pengenalan pemegang-pemegang amanah di dalam borang tersebut. Namun begitu, pada masa akan datang pihak TH akan cuba untuk menguatkuaskan peraturan baru yang meminta agar pendeposit

---

<sup>37</sup> *Ibid.*

<sup>38</sup> Borang 2, Butir-butir Peribadi Pendeposit dan Pemegang Amanah.

memasukkan nombor kad pengenalan pemegang-pemegang amanah yang dilantik bagi mengelakkan sebarang bentuk penipuan.<sup>39</sup>

Pihak TH tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat pemegang amanah yang tidak melaksanakan tanggungjawab mereka. Ia terpulanglah kepada pemegang amanah itu sendiri untuk menunaikan amanah mereka dengan membahagikan wang simpanan itu kepada waris-waris si mati. Prosedur yang sama seperti di KWSP boleh diikuti sekiranya waris-waris yang berhak tidak mendapat bahagian-bahagian mereka. Mereka boleh membuat tuntutan di Mahkamah Tinggi Sivil supaya semua wang simpanan tersebut dibahagikan mengikut hukum faraid.<sup>40</sup>

TH kini dalam proses mengemaskini semula fail-fail induk bagi mengenalpasti pendeposit-pendeposit TH yang tidak membuat sebarang penamaan. TH akan menghubungi pendeposit-pendeposit berkenaan untuk meminta mereka membuat penamaan bagi simpanan mereka.<sup>41</sup> Tetapi, sekiranya mereka telahpun mengisi borang peribadi atau borang penamaan, maka penamaan tersebut tidak akan terbatalkan kecuali jika mereka telah mengisi borang pemegang amanah yang baru.

Sekiranya terdapat kes yang mana pendeposit tidak membuat sebarang penamaan kemudian beliau meninggal dunia, maka waris-waris perlu mendapatkan surat kuasa mentadbir dari Mahkamah Tinggi Sivil terlebih dahulu

<sup>39</sup> Temubual dengan Puan Hajah Badariah bt. Ibrahim, Pengurus Simpanan 1, Jabatan Pendeposit Tabung Haji pada hari Isnin 15 Oktober 2001 jam 3.30 petang.

<sup>40</sup> Ibid.

<sup>41</sup> Ibid.

sebelum membuat permohonan mengeluarkan wang simpanan si mati daripada Tabung Haji.

Terdapat juga waris-waris yang merujuk masalah ini kepada Amanah Raya Berhad (ARB).<sup>42</sup> Seperti juga di KWSP, prosedur yang sama akan dijalankan yang mana pihak ARB akan menulis kepada pihak TH bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai wang simpanan si mati. Pembahagian wang simpanan tersebut akan diuruskan oleh ARB dan akan dibahagi-bahagikan kepada semua ahli waris mengikut hukum faraid.

Kesimpulannya, penamaan di TH adalah tidak bertentangan dengan hukum syarak kerana pemegang amanahnya mempunyai tanggungjawab untuk membahagikan wang simpanan si mati kepada semua ahli waris yang berhak mengikut hukum faraid. Namun begitu, borang penamaan atau borang pemegang amanahnya mesti dikemaskinikan dengan memasukkan maklumat lengkap mengenai diri penama atau pemegang amanah seperti nama pemegang amanah, alamat, perhubungan, nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran, tarikh lahir dan sebagainya bagi mengelakkan daripada sebarang bentuk penipuan. Penamaan yang dibuat juga mesti disertai dengan tandatangan seorang atau dua orang saksi beserta maklumat-maklumat penting tentang diri mereka. Ini akan menjadikan penamaan di TH lebih sistematik dan terjamin dari segi keselamatannya.

---

<sup>42</sup> Temubual dengan Puan Hajah Badariah bt. Ibrahim, Pengurus Simpanan 1, Jabatan Pendeposit Tabung Haji pada hari Isnin 15 Oktober 2001 jam 3.30 petang.



# BAB EMPAT



### **3.3.3 KOPERASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA BERHAD**

#### **3.3.3.1 Sejarah Penubuhan Koperasi di Malaysia**

Koperasi telah diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1922 dan diiktiraf sebagai jentera untuk meningkatkan taraf hidup penduduk-penduduk miskin serta yang berpendapatan rendah. Aktiviti koperasi pada mulanya hanya berbentuk pinjam-meminjam atau mengisar padi. Namun, pada masa kini, fungsi koperasi telah dipelbagaikan merangkumi pelbagai bidang perniagaan seperti pengguna, perumahan, pengangkutan, pembangunan tanah, pengeluaran dan sebagainya yang bermanfaat kepada anggota-anggotanya.<sup>43</sup>

Koperasi yang pertama ditubuhkan di Malaysia ialah Syarikat Bekerjasama-sama Kampung Tebuk Haji Musa, Kerian. Manakala koperasi yang mula-mula sekali didaftarkan ialah *The Federated Malay States Posts and Telegraphs Cooperative Thrift and Loan Society Limited*. Kemudian, nama koperasi ini telah ditukarkan kepada Koperasi Kakitangan Telekom Malaysia Berhad (KOTAMAS).<sup>44</sup> Gerakan koperasi di Sarawak telah bermula pada 3 Mei 1949 manakala di Sabah pula telah bermula pada tahun 1959. Pada awalnya, undang-undang koperasi yang berkuatkuasa di Sarawak dan Sabah ialah Ordinan Koperasi 1949 (*Cap. 66 of The Laws of Sarawak*) dan Ordinan Koperasi No. 3/1958 of Sabah dan Kaedah-kaedah yang dibuat dibawahnya. Undang-undang tersebut telah diterimapakai sehingga akhirnya Akta Koperasi 1993 (Akta 502) diperkenalkan.<sup>45</sup>

<sup>43</sup> Gerakan Koperasi di Malaysia, Jabatan Pembangunan Koperasi, <http://www.jpk.gov.my/gerkenal.html>. 10 Oktober 2001.

<sup>44</sup> Ibid, <http://www.jpk.gov.my/gerakan.html>. 10 Oktober 2001.

<sup>45</sup> Ibid.

Pada tahun 1974 di Semenanjung Malaysia, koperasi-koperasi asastani dan perikanan telah diserahkan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Manakala koperasi-koperasi lain di bandar-bandar dan yang bukan berdasarkan kepada pertanian dan perikanan telah diawasi oleh Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK). Berbeza di Sabah dan Sarawak, semua jenis koperasi adalah dibawah pengawasan JPK.<sup>46</sup>

Pada mulanya, undang-undang yang mengawal koperasi-koperasi di Malaysia ialah Akta Koperasi 1948. Namun begitu, akibat daripada perubahan-perubahan dan keperluan semasa yang memerlukan kepada undang-undang yang lebih berkesan dalam membentuk dan mengawal koperasi-koperasi, akta tersebut telah digantikan dengan Akta Koperasi 1993.<sup>47</sup> Pada hari ini, undang-undang yang diterima pakai oleh Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia adalah seperti Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi 1995, Peraturan-peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi) 1996, Peraturan-peraturan Koperasi (Fee) 1997 dan Peraturan-peraturan Tribunal Koperasi 1998.<sup>48</sup>

### **3.3.3.2 Latar belakang Penubuhan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad**

Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad atau ringkasnya Koperasi Tentera (KT) telah ditubuhkan pada 12 November 1960 pada asalnya hanyalah sebagai sebuah koperasi kerjasama pinjam-meminjam (*thrift and loan cooperative*

---

<sup>46</sup> *Ibid.*

<sup>47</sup> Undang-undang Jabatan Pembangunan Koperasi, <http://www.jpk.gov.my/akta.html>. 10 Oktober 2001.

<sup>48</sup> *Ibid.*

*society).* Tetapi bermula pada 1 November 1975, aktiviti koperasi ini telah diperluaskan lagi dengan pertukaran fungsi daripada koperasi kerjasama pinjam-meminjam kepada koperasi serbaguna (*multi-purpose cooperative*).<sup>49</sup>

Objektif utama penubuhan KT ialah untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi dan kebajikan untuk para anggotanya. KT juga menyediakan kemudahan simpanan bagi menggalakkan amalan menabung dan berjimat cermat di kalangan anggotanya. Pelbagai kemudahan dan perkhidmatan telah disediakan kepada anggota-anggotanya seperti pinjaman, skim insurans, dermasiswa, sumbangan bakti, khairat kematian dan sebagainya. KT juga telah mempelbagaikan aktivitinya termasuk bergiat aktif di dalam bidang pelaburan dan perniagaan dengan tujuan untuk memaksimumkan pulangan terhadap simpanan anggotanya.

Bagi membolehkan seseorang itu mendapatkan segala kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh KT, permohonan untuk menjadi ahli KT perlulah dibuat terlebih dahulu dengan mengisi ‘Borang Permohonan Menjadi Anggota’ (lihat lampiran 4). Bagaimanapun, keanggotaan KT hanya terbuka kepada empat golongan sahaja iaitu pegawai atau anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM), anggota sukarela ATM, bekas pegawai atau anggota ATM dan kakitangan awam yang bertugas di Kementerian Pertahanan Malaysia.<sup>50</sup> Hari ini, KT telah mempunyai bilangan anggota yang mencecah 91,000 orang.<sup>51</sup>

<sup>49</sup>Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad,  
[http://www.katmb.com.my/katmb/makl\\_kt/makl\\_kt.htm](http://www.katmb.com.my/katmb/makl_kt/makl_kt.htm). 10 Oktober 2001.

<sup>50</sup>Temuul dengan Puan Salmah Bt. Ahmad, Penelia Keanggotaan, Bahagian Keanggotaan, Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad pada hari Rabu 24 Oktober 2001 jam 11.30 pagi.

<sup>51</sup>Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad,

[http://www.katmb.com.my/katmb/makl\\_kt/makl\\_kt.htm](http://www.katmb.com.my/katmb/makl_kt/makl_kt.htm). 10 Oktober 2001.

Pada asasnya, KT adalah tertakluk kepada undang-undang yang telah digunakan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia seperti Akta Koperasi 1993 (Akta 502), Peraturan-peraturan Koperasi 1995 dan lain-lain. Di samping itu juga, KT mempunyai undang-undang kecilnya yang tersendiri yang dinamakan sebagai ‘Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan Koperasi Tentera’. Undang-undang ini telah mula berkuatkuasa pada 21 Jun 1996.<sup>52</sup>

Pelaksanaan aktiviti-aktiviti di KT adalah berasaskan kepada modal yang dikumpul melalui bayaran yuran bulanan, simpanan khas dan syer oleh para anggotanya. Sebagai sebuah organisasi pelaburan dan perniagaan yang semakin kukuh dan dinamik serta mengamalkan budaya kerja yang cekap, KT terus bergerak maju dan membangun dengan teguh dalam memainkan peranannya untuk meningkatkan ekonomi negara.

### **3.3.3.3 Penamaan di Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad**

Seperti di institusi-institusi kewangan yang lain, KT juga mensyaratkan agar setiap anggotanya membuat penamaan setelah mereka mendaftar sebagai anggota KT. Penamaan dibuat dengan mengisi ‘Borang Perlantikan Penama/*Wasi*’<sup>53</sup> (lihat lampiran 5). Bagi anggota yang beragama Islam, mereka hanya dibenarkan melantik seorang wasi sahaja dari kalangan ahli-ahli waris yang berhak menerima pusaka. Manakala bagi anggota yang bukan Islam pula dibenarkan melantik lebih daripada seorang penama. Anggota-anggota Muslim juga diingatkan bahawa penama yang dilantik adalah bertindak sebagai *wasi* yang bertanggungjawab

---

<sup>52</sup> Rujuk Fasal 1.

untuk membahagi-bahagikan wang simpanan di KT kepada waris-waris yang berhak selepas kematianya.

Penamaan di KT ini adalah tertakluk di bawah Seksyen 24 Akta Koperasi 1993 (Akta 502). Akta ini memperuntukkan bahawa harta koperasi orang-orang Islam hendaklah dijadikan sebagai pusaka kecuali bagi harta orang-orang bukan Islam yang mana ia hendaklah diberikan kepada mereka yang telah dinamakan.<sup>53</sup> Seksyen tersebut memperuntukkan bahawa:

*“Apabila seseorang anggotanya mati, sesuatu koperasi berdaftar boleh memindahkan syer atau kepentingan anggota yang mati itu: ,*

*(a) dalam hal anggota yang mati yang Muslim, kepada wakil di sisi undang-undang bagi anggota yang mati atau kepada orang yang didapati oleh Lembaga ialah orang yang berhak mendapat syer atau kepentingan yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pembahagian harta pusaka; atau*

*(b) dalam hal anggota yang mati yang bukan Muslim, kepada orang yang dinamakan mengikut peraturan-peraturan bagi maksud itu atau, jika tiada orang yang dinamakan sedemikian, kepada orang yang didapati oleh Lembaga ialah waris atau wakil di sisi undang-undang bagi anggota yang mati itu, dan boleh membayar kepada wakil di sisi undang-undang, penama, waris atau orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, suatu jumlah wang yang merupakan nilai syer atau kepentingan anggota yang mati itu, sebagaimana yang ditentukan mengikut peraturan-peraturan atau undang-undang kecilnya<sup>54</sup>.*

Di dalam Fasal 7 Peraturan-peraturan Koperasi 1995 juga turut memperuntukkan mengenai penamaan dengan menyatakan bahawa:

*“Mana-mana anggota koperasi berdaftar yang bukan Muslim boleh secara bertulis, di hadapan sekurang-kurangnya dua saksi yang mengakusaksikan perkara yang sama atau dengan suatu akuan yang dibuat sewajarnya, menamakan mana-mana orang yang kepadanya syer atau kepentingannya atau nilai syer atau kepentingannya itu atau apa-apa wang yang disebut dalam seksyen 24 Akta yang kena dibayar kepadanya boleh dengan kematian anggota itu, dibayar atau*

<sup>53</sup> Abdul Kadir Hj. Muhammad (1997), ‘Harta Penama Bukan Harta Pemberian dan Wasiat’, *Jurnal Syariah*, Jil 5 Bil. 2 Julai 1997, hal. 164.

<sup>54</sup> Seksyen 24(1)(a) dan (b) *Akta Koperasi 1993 (Akta 502)*.

*dipindahkan menurut seksyen tersebut, dan boleh dengan cara yang sama, dari semasa ke semasa, membatalkan atau menukar penamaan tersebut.*<sup>55</sup>

Manakala di dalam Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan Koperasi

Tentera juga ada memperuntukkan mengenai penamaan ini di dalam Fasal 17.

Fasal-fasal tersebut memperuntukkan bahawa:

- (1) “*Tiap-tiap anggota yang bukan Muslim hendaklah, dengan mengisi satu borang rasmi Koperasi ini, dihadapan sekurang-kurangnya dua orang saksi saksi yang mengakusaksikan perkara yang sama atau dengan suatu akuan yang dibuat sewajarnya, menamakan mana-mana orang yang kepadanya syer atau kepentingannya atau nilai syer atau kepentingannya itu atau apa-pa wang yang disebut dalam seksyen 24 Akta yang kena dibayar kepadanya boleh dengan kematiang anggota itu, dibayar atau dipindahkan menurut seksyen tersebut, dan boleh dengan cara yang sama, dari semasa ke semasa, membatalkan atau menukar penamaan tersebut.... .”*
- (2) “*Tiap-tiap anggota Muslim hendaklah dengan cara yang sama seperti yang diperuntukkan dalam fasal (1) undang-undang kecil ini menamakan seorang wasi dari kalangan waris-waris terdekat yang mutlak tassarufnya untuk menerima setelah dia mati wang-wang yang berhak mengikut hukum Islam dan hendaklah memberitahu Koperasi akan perubahan-perubahan, jika ada, mengenai penamaan itu.*<sup>56</sup>

Penama-penama mestilah dilantik daripada kalangan waris-waris yang berhak untuk menerima pusaka sahaja. Sekiranya penama yang dilantik selain daripada golongan tersebut, maka penamaan itu akan terbatal dan penamaan yang baru mestilah dibuat semula.<sup>57</sup> Bagi anggota yang bukan Muslim, mereka dibenarkan menetapkan kadar pembahagian wang yang hendak diserahkan kepada penama-penama. Seperti yang telah diperuntukkan, perlantikan penama tersebut

<sup>55</sup> Fasal 7(1) dan (2) *Peraturan-peraturan Koperasi 1995*.

<sup>56</sup> Fasal 17(1) dan (2), *Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan Koperasi Tentera 1996*.

<sup>57</sup> Temubual dengan Puan Salmah Bt. Ahmad, Penyelia Keanggotaan, Bahagian Keanggotaan, Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad pada hari Rabu 24 Oktober 2001 jam 11.30 pagi.

mestilah dibuat di hadapan dua orang saksi samada bagi anggota yang Muslim atau bukan Muslim. Saksi-saksi tersebut mestilah menyertakan nombor kad pengenalan atau nombor tentera beserta pangkat atau jawatan mereka.

Bagi anggota yang tidak membuat sebarang penamaan, sekiranya beliau meninggal dunia, pihak KT akan menggunakan prosedur yang biasa digunakan oleh institusi-institusi kewangan yang lain iaitu waris-waris yang berhak perlu mendapatkan surat kuasa mentadbir harta pusaka dari Mahkamah Tinggi Sivil. Selepas itu barulah wang simpanan di dalam KT boleh dikeluarkan dan diserahkan kepada waris-waris untuk dibahagikan mengikut hukum faraid.

Pihak KT juga tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat penama-penama yang tidak menjalankan tanggungjawab mereka untuk membahagikan wang simpanan si mati kepada semua waris yang berhak. Sekiranya pihak waris datang membuat aduan bahawa mereka tidak menerima wang tersebut daripada penama, pihak KT tidak boleh membuat apa-apa tindakan.<sup>58</sup> Pihak waris yang berhak boleh membuat tuntutan kepada penama di Mahkamah Tinggi Sivil.

Namun begitu, kes-kes seperti ini tidak banyak berlaku kerana pihak waris biasanya akan menyelesaikan masalah ini di luar mahkamah. Keadaan ini adalah disebabkan perbicaraan di mahkamah yang akan mengambil masa yang panjang. Tambahan pula, setiap anggota pada kebiasaannya, hanya mempunyai jumlah simpanan yang kecil sahaja di KT. Oleh sebab itu, pihak waris merasakan tidak

---

<sup>58</sup> *Ibid.*

berbaloi sekiranya mereka membuat tuntutan tersebut terhadap penama di mahkamah.<sup>59</sup>

Kesimpulannya, penamaan di KT ini adalah bertepatan dengan kehendak hukum syarak yang mana penama atau *waṣī* hanya berperanan sebagai pemegang amanah yang bertanggungjawab untuk membahagikan wang kepada waris-waris mengikut hukum faraid. Penamaan yang dibuat juga turut ditandatangani dan diakusaksi oleh dua orang saksi. Namun begitu, butir-butir mengenai penama di dalam borang penamaan juga perlu dikemaskinikan agar lebih lengkap dan sistematik dengan memasukkan nombor kad pengenalan penama bagi mengelakkan daripada sebarang penipuan.

### **3.3.4 MCIS INSURANCE BERHAD (MCIS)**

#### **3.3.4.1 Latar belakang Penubuhan MCIS<sup>60</sup>**

Pada mulanya, MCIS ditubuhkan sebagai sebuah badan koperasi yang dikenali dengan nama Pertubuhan Koperasi Insurans Malaysia Berhad di bawah Akta Koperasi 1948. Pada tahun 1956, MCIS telah memulakan operasinya dalam insurans nyawa dan insurans am. Pada 1 Julai 1998, koperasi tersebut telah menubuhkan urusniaga insuransnya yang tersendiri di bawah MCIS Insurance Berhad (MCIS). MCIS merupakan milik penuh syarikat awam berhad yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang mana aktiviti paling utama adalah menjalankan urusniaga insurans Koperasi. Kini, setelah lebih 40 tahun beroperasi,

---

<sup>59</sup> *Ibid.*

<sup>60</sup> Background of MCIS, <http://www.mcis.com.my/aboutus.htm>. 10 Oktober 2001.

MCIS telah muncul sebagai salah satu syarikat insurans yang berjaya di Malaysia dan mempunyai lebih daripada 350,000 orang pemegang polisi.

### 3.3.4.2 Penamaan di MCIS

Penamaan di MCIS adalah tertakluk kepada Seksyen 166 Akta Insurans 1996 (Akta 553) yang memperuntukkan bahawa:

*"Sesuatu penamaan oleh seseorang pemunya polisi, selain daripada seseorang pemunya polisi yang beragama Islam, hendaklah mewujudkan suatu amanah bagi faedah penama atas wang polisi yang kena dibayar atas kematian pemunya polisi itu, jika-*

- (a) penama itu adalah suami atau isteri atau anaknya; atau*
- (b) tidak ada suami atau isteri atau anak yang hidup pada masa penamaan itu, penama adalah ibu bapanya..<sup>61</sup>*

Peruntukan tersebut bermaksud penamaan yang dibuat oleh pemegang polisi yang bukan beragama Islam akan mewujudkan suatu amanah yang berpihak kepada penama, sekiranya penama-penama tersebut adalah suami, isteri atau anak. Jika golongan yang disebutkan tadi tiada semasa penamaan dibuat, maka penama tersebut adalah ibubapa pemegang polisi. Perkara ini ada dinyatakan di dalam borang penamaan (lihat lampiran 7) yang mesti diisi oleh seseorang pemegang polisi.

Bagi penama yang beragama Islam atau yang tergolong di luar seksyen 166 Akta 553 tadi, maka mereka akan menerima wang polisi yang dibayar setelah kematian pemegang polisi sebagai wasi atau pemegang amanah yang mesti membahagi-bahagikan wang tersebut berdasarkan undang-undang Islam.

---

<sup>61</sup> Seksyen 166(1) *Akta Insurans 1996*. (Akta 553).

Perkara ini turut diperuntukkan di dalam seksyen 167 Akta 553 yang menjelaskan bahawa:

- (1) Seseorang penama, selain daripada seorang penama di bawah subseksyen 166(1), hendaklah menerima wang polisi yang kena dibayar atas kematian pemunya polisi itu sebagai wasi dan bukan semata-mata sebagai benefesiari dan apa-apa pembayaran kepada penama itu hendaklah menjadi sebahagian daripada harta pusaka pemunya polisi yang mati dan tertakluk kepada hutangnya dan penanggung insurans berlesen itu adalah dilepaskan daripada liabiliti berkenaan dengan wang polisi yang dibayar.
- (2) Subseksyen (1) terpakai bagi seseorang penama pemunya polisi yang beragama Islam yang, apabila wang polisi itu diterima, hendaklah membahagikan wang polisi itu mengikut undang-undang Islam.<sup>62</sup>

Semasa mengisi borang penamaan, adalah perlu bagi seseorang pemegang polisi itu untuk memasukkan nama, alamat, nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan tarikh lahir penama. Turut dimasukkan juga ialah tali persaudaraan antara pemegang polisi dengan penama dan bahagian yang akan diterima oleh penama (jika lebih daripada seorang penama). Keperluan tersebut ada dinyatakan di dalam seksyen 163 Akta 553 iaitu:

- 'Seseorang pemunya polisi yang telah mencapai umur lapan belas tahun boleh menamakan seseorang sebenar untuk menerima wang polisi yang kena dibayar atas kematiannya di bawah polisi itu dengan memberitahu penanggung insurans berlesen secara bertulis mengenai nama, tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau nombor sijil beranak dan alamat penama-*
- (a) *semasa polisi itu dikeluarkan; atau*
- (b) *selepas polisi itu dikeluarkan, berserta dengan polisi bagi pengendorsan penanggung insurans berlesen mengenai penamaan atas polisi itu.*<sup>63</sup>

Semasa penamaan dibuat, ia hendaklah disaksikan oleh seorang saksi yang bukan daripada kalangan penama yang dinamakan. Perkara ini ada dinyatakan di

<sup>62</sup> Seksyen 167(1) dan (2) *Ibid.*

<sup>63</sup> Seksyen 163(1) *Ibid.*

dalam borang penamaan serta diperuntukkan di dalam seksyen 163 yang menyatakan bahawa:

*'Sesuatu penamaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah disaksikan oleh seseorang yang sempurna akal yang telah mencapai umur lapan belas tahun dan bukan seorang penama yang dinamakan di bawah subseksyen itu.'*<sup>64</sup>

Tetapi, bagi pemegang polisi yang bukan beragama Islam, satu ruangan disediakan untuk ditandatangani oleh penama atau pemegang amanah yang dilantik beserta nama, alamat dan nombor kad pengenalan beliau. Di ruangan tandatangan tersebut, bahagian bawahnya dicatatkan akuan penama yang berbunyi "*Saya dengan ini bersetuju bertindak sebagai pemegang amanah terhadap polisi yang tersebut di atas.*"(lihat lampiran 6).

Sekiranya pemegang polisi ada menyatakan bahagian-bahagian tertentu yang mesti dibayar kepada penama-penama yang dilantik (jika lebih daripada seorang), pihak MCIS akan membayar wang polisi tersebut mengikut bahagian-bahagian seperti yang dinyatakan. Sekiranya pemegang polisi tidak menyatakan apa-apa bahagian, pihak MCIS akan membayar wang yang sama banyak kepada penama. Tindakan ini adalah selaras dengan peruntukan seksyen 163 iaitu:

*'Sesuatu penamaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh dibuat bagi faedah seseorang atau lebih dan jika orang yang dinamakan itu lebih daripada seorang, pemunya polisi itu boleh mengarahkan supaya bahagian yang ditentukan itu dibayar kepada orang yang dinamakan dan jika pemunya polisi tidak membuat apa-apa arahan, penanggung insurans berlesen hendaklah membayar bahagian yang sama banyak kepada orang itu.'*<sup>65</sup>

<sup>64</sup> Seksyen 163(2) *Ibid.*

<sup>65</sup> Seksyen 163(5) *Ibid.*

Sesuatu penamaan yang dibuat boleh terbatal mengikut seksyen 164 yang memperuntukkan bahawa:

- 'Sesuatu penamaan, termasuklah sesuatu penamaan yang mana seksyen 166 terpakai, hendaklah terbatal-*
- (a) *atas kematian penama itu, atau jika terdapat lebih daripada seorang penama, atas kematian kesemua penama itu, semasa hayat pemunya polisi;*
  - (b) *melalui sesuatu notis secara bertulis yang diberikan oleh pemunya polisi; atau*
  - (c) *melalui apa-apa penamaan terkemudian'*<sup>66</sup>

Selepas kematian seseorang pemegang polisi, penama-penama yang telah dilantik oleh pemegang polisi tersebut sama ada orang Islam atau bukan Islam boleh membuat tuntutan untuk pembayaran wang polisi kepada pihak MCIS dengan mengemukakan bukti kematian pemegang polisi. Pihak MCIS akan membayar wang polisi tersebut kepada penama-penama terbabit berdasarkan perlantikan yang telah dibuat oleh pemegang polisi di dalam borang penamaan seperti yang diperuntukkan di dalam seksyen 165 iaitu:

*'Tertakluk kepada subseksyen (2), jika seseorang pemunya polisi mati setelah membuat sesuatu penamaan, penanggung insurans berlesen hendaklah membayar wang polisi pemunya polisi yang mati itu mengikut arahan penamaan itu apabila menerima sesuatu tuntutan daripada penama itu dan tuntutan itu disertai dengan bukti kematian pemunya polisi itu.'*<sup>67</sup>

Akan tetapi, sekiranya pemegang polisi terbabit telah menamakan anggota keluarganya yang lain dan beliau tidak membuat sebarang penamaan yang baru, sedangkan pada masa yang sama beliau telah mempunyai isteri dan anak-anak, maka isteri beliau boleh membuat tuntutan bertulis kepada pihak Amanah Raya

<sup>66</sup> Seksyen 164(1) *Ibid.*

<sup>67</sup> Seksyen 165(1) *Ibid.*

Berhad. Pihak ARB akan memaklumkan kepada MCIS tentang perkara tersebut dan mengarahkan pembahagian wang polisi tersebut dibuat secara faraid.<sup>68</sup>

Melantik penama bukanlah satu kewajipan kepada pemegang polisi yang beragama Islam. Sekiranya pemegang polisi tersebut tidak membuat sebarang penamaan bagi wang polisi mereka, prosedur yang sama akan dijalankan seperti juga di institusi-institusi kewangan yang lain. Di MCIS, mereka akan cuba menghubungi waris-waris pemegang polisi yang meninggal dunia tersebut berdasarkan alamat yang ada di dalam borang penamaan dan mereka (waris-waris) mesti mengemukakan Surat Kuasa Mentadbir harta pusaka semasa membuat tuntutan. Satu lagi cara ialah tuntutan tersebut akan terus melalui ARB.<sup>69</sup> Pembayaran wang polisi yang tidak mempunyai penamaan adalah tertakluk kepada seksyen 169 yang memperuntukkan bahawa:

*'Jika seorang pemunya polisi bagi suatu polisi mati tanpa membuat suatu penamaan, tertakluk kepada seksyen 168, penanggung insurans berlesen hendaklah membayar wang polisi pemunya polisi yang mati itu kepada pemohon yang mengemukakan Perintah Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian':<sup>70</sup>*

Pihak MCIS akan membayar wang polisi tersebut kepada salah seorang ahli keluarga sama ada suami atau isteri, anak atau ibu bapa mengikut susunan keutamaan. Sekiranya terdapat lebih daripada seorang daripada golongan tersebut, maka pembahagian wang akan dibuat secara samarata. Sekiranya golongan-

<sup>68</sup> Temubual dengan Puan Azizah Bt Zakaria, Kerani Perkhidmatan Pelanggan, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, MCIS Insurance Berhad pada hari Rabu 17 Oktober 2001 jam 3.30 petang.

<sup>69</sup> *Ibid.*

<sup>70</sup> Seksyen 169(1) *Akta Insurans 1996*.

golongan yang disebutkan tadi tidak ada, maka pihak MCIS akan membuat pembayaran tersebut melalui dua cara iaitu:<sup>71</sup>

(a) Sekiranya jumlah wang polisi tidak melebihi RM 100,000, pembayaran boleh dibuat tanpa memerlukan kepada Perintah Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian kepada -

- (i) orang yang pada pandangan MCIS sebagai berhak diberi surat ini
- (ii) orang yang pada pandangan MCIS berhak menerima faedah daripada harta pusaka pemegang polisi yang meninggal dunia

(b) Sekiranya jumlah wang polisi melebihi RM 100,000, pembayaran boleh dibuat kepada golongan di atas setelah dikemukakan Perintah Probet atau Surat Kuasa Mentadbir.

Kesimpulannya, penamaan di MCIS adalah selaras dengan kehendak hukum syarak seperti juga di institusi-institusi kewangan yang lain. Wang polisi di MCIS adalah termasuk di dalam harta peninggalan pemegang polisi yang meninggal dunia dan oleh itu, penama yang dilantik bertanggungjawab untuk membahagi-bahagikan wang polisi tersebut kepada semua ahli waris yang berhak untuk menerima pusaka. Peruntukan-peruntukan yang diperuntukkan di dalam Akta Insurans 1996 juga jelas dan sistematik serta meliputi segenap aspek dalam masalah penamaan ini.

---

<sup>71</sup> Seksyen 169(2)(a) dan (b) *Ibid.*

### **3.3.5 BANK SIMPANAN NASIONAL**

#### **3.3.5.1 Latar Belakang Penubuhan<sup>72</sup>**

Bank Simpanan Nasional (BSN) mula ditubuhkan pada tahun 1974 di bawah Akta Parlimen. Penubuhan ini adalah bertujuan untuk mengambil alih tugas-tugas dan tanggungjawab Bank Simpanan Pejabat Pos di dalam usaha untuk mempertingkatkan dan mengembangkan simpanan di kalangan rakyat Malaysia. Bermula di Bangunan Abas-Ho yang terletak di Petaling Jaya, BSN mula beroperasi dengan hanya 6 cawangan sahaja. Selari dengan perubahan masa, BSN telah berkembang dengan pesat dan kini telah menjadi salah sebuah bank yang disegani di Malaysia yang beroperasi dengan 445 cawangan di seluruh negara.

#### **3.3.5.2 Penamaan di BSN**

Tidak seperti di institusi-institusi kewangan yang lain, penamaan di BSN ini agak berbeza dengan proses penamaan seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Penamaan BSN adalah dibenarkan ke atas kesemua penyimpan yang telah mencapai umur lapan belas tahun dan ia termasuklah penyimpan-penyimpan yang beragama Islam. Setelah seseorang itu mendaftar sebagai penyimpan atau pelabur di BSN, mereka dikehendaki mengisi borang penamaan (lihat lampiran 7) dengan melantik seorang atau beberapa orang penama yang akan mewarisi wang simpanan dalam akaun BSN setelah beliau meninggal dunia.

---

<sup>72</sup> Keluaran Khas Sempena Sambutan Ulangtahun ke-25 Bank Simpanan Nasional, hal. 1.

Penamaan ini tidak membezakan antara penamaan yang dibuat oleh orang-orang Islam dengan orang-orang bukan Islam seperti yang dilakukan oleh institusi-institusi kewangan yang lain. Tugas dan tanggungjawab penama di BSN bagi orang Islam dan bukan Islam adalah sama. Oleh sebab itu, walaupun penamaan dibenarkan ke atas orang-orang Islam, tetapi mereka tidak digalakkan dan dinasihatkan agar tidak berbuat demikian oleh kakitangan BSN semasa penamaan hendak dilakukan. Namun begitu, sekiranya orang-orang Islam memilih untuk melakukan penamaan, maka pihak BSN tidak berhak untuk menghalang mereka.<sup>73</sup>

Situasi ini akan menimbulkan kekeliruan kepada para penama serta waris-waris penyimpan yang telah meninggal dunia tersebut. Ini adalah kerana ketiadaan peruntukan khusus mengenai penamaan bagi orang-orang Islam di dalam Akta Bank Simpanan Nasional 1997 (Akta 571).<sup>74</sup> Pihak BSN juga tidak mengambil inisiatif untuk mengingatkan para penyimpan yang beragama Islam tentang tanggungjawab penama yang dilantik iaitu membahagi-bahagikan wang simpanan yang diterimanya kepada semua ahli waris yang berhak menerima pusaka secara faraid seperti yang dilakukan oleh institusi-institusi kewangan yang lain di dalam borang penamaan mereka (lihat lampiran 7).

Di dalam borang penamaan, tidak ada catatan atau nota yang dibuat bagi tujuan untuk mengingatkan penama bagi orang-orang Islam tentang tanggungjawab mereka. Penyimpan (di dalam borang penamaan disebut sebagai

<sup>73</sup> Temubual dengan Encik Santhramogan, Pegawai Penyelia Kanan, Jabatan Hal Ehwal Awam, Bahagian Komunikasi Korporat pada hari Isnin 26 November 2001 jam 12.15 tengahari.

<sup>74</sup> Ibid.

‘Penama’) dikehendaki menamakan waris-waris beliau (tidak melebihi empat orang) yang berhak untuk menerima wang simpanan selepas beliau meninggal dunia. Seperti juga dalam borang-borang penamaan yang lain, nama, nombor kad pengenalan, pertalian, alamat serta bahagian yang diterima oleh waris-waris yang dinamakan tadi mesti dimasukkan di dalam borang tersebut. Mereka juga mesti menandatangani atau cap jari borang-borang tersebut di hadapan saksi-saksi yang tertentu sahaja (lihat lampiran 7).

Terdapat juga peringatan yang dibuat oleh pihak BSN yang tidak membenarkan penamaan dilakukan oleh penyimpan yang beragama Islam. Peringatan tersebut berbunyi:

*“Pemegang akaun persendirian berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak beragama Islam boleh menamakan seorang atau lebih untuk menerima baki wang yang ada dalam kredit akaunnya jika dia meninggal dunia”.*<sup>75</sup>

Namun begitu, peringatan ini hanya terdapat di dalam buku akaun yang lama sahaja. Di dalam buku-buku akaun yang baru, perkataan “dan tidak beragama Islam” di dalam perenggan tersebut telah dimansuhkan. Ini bermaksud bahawa semua penyimpan yang mencapai umur 18 tahun sama ada yang beragama Islam atau tidak, boleh membuat penamaan.

Di dalam Buku Tatacara Perkhidmatan Pelanggan juga ada menyatakan bahawa pembahagian wang si mati yang beragama Islam perlu dibahagikan mengikut Mazhab Shafi’i (secara faraid).<sup>76</sup> Semasa proses pembayaran wang si

<sup>75</sup> Buku Akaun Simpanan Semasa Bank Simpanan Nasional.

<sup>76</sup> Buku Panduan Tatacara Perkhidmatan Pelanggan, Para 11, Index 2.11, bertarikh Jun 1985, hal. 3.

mati tersebut dibuat, di bahagian akhir proses tersebut juga ada disebutkan tentang pembahagian yang perlu dibuat mengikut Mazhab Shafi'i. Namun begitu, kenyataan ini hanyalah sebagai panduan kepada kakitangan di BSN sahaja tentang cara bagaimana proses pembahagian terhadap wang orang Islam perlu dilakukan dan ia bukan untuk dihebahkan kepada para penyimpannya.

Walaupun tidak ada peruntukan khusus serta peringatan yang dibuat oleh pihak BSN terhadap penamaan yang dibuat oleh penyimpan yang beragama Islam, menurut pegawai di BSN, mereka tidak mengalami masalah dalam membuat pembayaran terhadap wang simpanan milik orang Islam yang telah meninggal dunia. Ini adalah kerana kebanyakan orang Islam sememangnya mengetahui dan memahami tanggungjawab mereka untuk membahagikan wang simpanan si mati kepada semua ahli waris secara faraid.<sup>77</sup> Oleh yang demikian, tidak timbul sebarang masalah tentang pembahagian wang tersebut walaupun tidak dinyatakan secara khusus melalui statut ataupun oleh pihak BSN sendiri.

Kesimpulannya, penamaan di BSN ini masih mempunyai banyak kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki bagi menjamin keselarasannya dengan hukum syarak. Ketiadaan peruntukan dan peringatan oleh pihak BSN boleh menimbulkan banyak kekeliruan yang memungkinkan pertikaian tentang harta penama ini berulang kembali.

---

<sup>77</sup>Temuul dengan Encik Santhramogan, Pegawai Penyelia Kanan, Jabatan Hal Ehwal Awam, Bahagian Komunikasi Korporat pada hari Isnin 26 November 2001 jam 12.15 tengahari.

### 3.4 KESIMPULAN

Perkembangan yang positif yang wujud pada hari ini berhubung dengan amalan penamaan bagi wang KWSP, wang insurans, wang koperasi, wang Tabung Haji dan sebagainya (kecuali di BSN) adalah bertepatan dan selaras dengan kehendak hukum syarak. Ini membuktikan bahawa institusi-institusi kewangan di Malaysia (kecuali di BSN) sudah peka dan sensitif kepada kehendak hukum syarak dan telah berusaha untuk menyesuaikannya setakat yang perlu.<sup>78</sup>

Dengan wujudnya amalan penamaan yang menepati kehendak hukum syarak serta disokong pula dengan undang-undang yang ada, menjadikan amalan penamaan di institusi-institusi kewangan di Malaysia pada hari ini, tidak lagi bercanggah dengan hukum syarak seperti yang pernah berlaku satu masa dahulu. Apa yang perlu dilakukan oleh institusi-institusi kewangan terbabit ialah membaiki kelemahan-kelemahan yang sedia ada bagi memantapkan lagi amalan penamaan ini.

Namun begitu, bagi institusi-institusi kewangan yang belum melaksanakan penamaan seperti di atas contohnya di BSN, satu bentuk perubahan perlu dilakukan bagi memastikan amalan penamaan yang dilakukan selaras dengan kehendak syarak. Sekiranya keadaan ini dibiarkan berterusan, ia akan menyebabkan kekeliruan dan akan menimbulkan pertikaian di kalangan umat Islam di Malaysia.

---

<sup>78</sup> Salleh bin Buang (2001), 'Pembentukan Harta Amanah Mengikut Undang-undang di Malaysia: Sejauhmanakah Undang-undang Islam Terpakai' (Kertas Kerja Seminar Pentadbiran Harta Amanah Orang-orang Islam di Malaysia di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 10 November 2001, hal. 16).